

# CHAIRMAN'S STATEMENT

**Results** The Group produced a pre-tax profit of RM25.6 million for the year ended 31 December 2004. The result was RM12.8 million lower than 2003, which had the benefit of wholesale margins on Mercedes-Benz stocks carried over. The 2004 results were also impacted by a one-off charge of RM7.3 million in respect of retrenchment and asset impairment costs on the early termination of assembly contracts. In addition, the Group incurred net interest expense of RM3.1 million in 2004, as compared to earning net interest income of RM4.2 million in 2003 due to the special dividend paid in 2003.

The Board is recommending a final dividend of 10 sen per share, less tax for approval at the forthcoming Annual General Meeting of the Company. This, together with the interim dividend of 5 sen per share less tax, will yield a total distribution of 15 sen per share less tax for 2004.

**Developments** The Mercedes-Benz retail operations enjoyed sales of 1,393 units, the highest since 1998 despite a difficult and competitive market. Margins were however, squeezed, by the sale of the pre-facelift C-Class in the third quarter. After a good first half, the after-sales performance was affected by allowances for losses on warranty claims in the second half.

The Group's Mazda operations produced improved results with a new range of models and better margins. The Peugeot business continued to develop and achieved profitability in its second full year of operations whilst Cycle & Carriage Malaysia had a difficult year with vehicle sales and margins under pressure.

As announced on 14 January 2005, the Group reached agreement with DaimlerChrysler Malaysia ("DCM") on the early termination of the assembly contracts between DCM and Asia Automobile Industries and Srisari, respectively. All assembly of vehicles and engines will cease by the end of July 2005 and the companies will work together to achieve a seamless transfer of operations to Pekan, where DCM is consolidating its assembly operations.

The Group continued its review of its business processes and human resource requirements. Two more voluntary staff separation schemes took place in the year and resulted in a reduction of a further 119 staff at a payment of RM5.3 million.

During the year, the Company sold a leasehold property at Shah Alam, Selangor for RM7.1 million and the profit on disposal of RM5.3 million was recognised.

The necessary upgrading of facilities continued. In August, the Company bought a parcel of land in Mutiara Damansara for the construction of a new Mercedes-Benz Autohaus. Construction of a new Autohaus in Petaling Jaya is underway with both facilities due to open towards the end of 2005.

**Board Changes** Philip Eng resigned as Director on 2 February 2005 ahead of his retirement from the board of Jardine Cycle & Carriage Limited on 28 February 2005. Cheah Kim Teck, Chief Executive Officer of the Jardine Cycle & Carriage's group motor operations and a director of Jardine Cycle & Carriage Limited was appointed to replace him while Adam Keswick replaced Philip Eng on the Remuneration Committee. The Board would like to take this opportunity to express its appreciation for Philip Eng's valuable contribution to the Group during his 12 years with the Group and we wish him well in his retirement.

**Acknowledgement** The Group will continue to rely on the invaluable support of its customers, suppliers, dealers and business associates. This, together with the continued dedication and commitment of its employees, should ensure that the Group is able to meet the challenges ahead.

**Prospects** The competitive business environment, uncertainties over the duty structure and strength of foreign currencies will continue to have a significant effect on the Group's performance in 2005. With the Group's restructuring largely completed, however, the focus will increasingly be on improving the operations and enhancing shareholders' returns.

Tan Sri Abdul Halim bin Ali  
Chairman



# PENYATA PENGERUSI

**Keputusan** Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, Kumpulan menghasilkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM25.6 juta. Keputusan ini adalah RM12.8 juta lebih rendah berbanding pencapaian pada tahun 2003 yang menikmati manfaat daripada margin borong stok Mercedes-Benz yang dibawa ke hadapan. Keputusan tahun 2004 juga terjejas akibat caj sebanyak RM7.3 juta yang ditanggung sekali sahaja berhubung pemberhentian kerja kakitangan dan kos pengurangan aset akibat penamatan awal kontrak pemasangan. Di samping itu, Kumpulan juga menanggung perbelanjaan faedah bersih sebanyak RM3.1 juta pada tahun 2004, berbanding pendapatan faedah bersih sebanyak RM4.2 juta pada tahun 2003 berikutan dividen khas yang dibayar pada tahun 2003.

Lembaga Pengarah mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 10 sen sesaham, ditolak cukai, untuk diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan diadakan. Jumlah ini bersama dengan dividen interim sebanyak 5 sen sesaham ditolak cukai, akan menghasilkan jumlah pembahagian sebanyak 15 sen sesaham bagi tahun 2004.

**Perkembangan** Operasi runcit Mercedes-Benz menikmati jualan sebanyak 1,393 unit, pencapaian tertinggi sejak tahun 1998 walaupun berhadapan dengan pasaran yang sukar dan bersaing. Walau bagaimanapun, margin tertekan berikutan penjualan C-Class sebelum diubahsuai pada tempoh suku ketiga. Selepas menikmati setengah tahun pertama yang memuaskan, prestasi selepas jualan terjejas akibat elaun kerugian untuk tuntutan waranti yang ditanggung pada tempoh setengah tahun kedua.

Operasi Mazda Kumpulan menghasilkan keputusan yang meningkat dengan jenis model baru serta margin yang bertambah baik. Perniagaan Peugeot terus membangun dan mencapai keuntungan pada tahun operasi penuh keduanya, sementara Cycle & Carriage Malaysia pula mengalami satu tahun yang sukar kerana menghadapi tekanan terhadap jualan kenderaan dan margin.

Seperti yang diumumkan pada 14 Januari 2005, Kumpulan telah mencapai persetujuan dengan DaimlerChrysler Malaysia ("DCM") berhubung dengan penamatan awal kontrak pemasangan di antara DCM dengan Asia Automobile Industries dan juga Srisari. Semua pemasangan kenderaan dan enjin akan tamat pada akhir bulan Julai 2005 dan kedua-dua syarikat tersebut akan bekerjasama untuk mencapai pemindahan operasi yang lancar ke Pekan, di mana DCM akan menyatukan operasi pemasangannya.

Kumpulan meneruskan usaha menyemak proses perniagaan dan keperluan sumber manusianya. Dua lagi skim pengasingan kakitangan secara sukarela telah dilaksanakan pada tahun ini yang mengakibatkan pengurangan seramai 119 orang lagi kakitangan dengan pembayaran sebanyak RM5.3 juta.

Pada tahun ini, Syarikat menjual hartanah pegangan pajakannya di Shah Alam, Selangor pada harga RM7.1 juta dan mencapai keuntungan sebanyak RM5.3 juta daripada penjualan tersebut.

Usaha menaiktaraf kemudahan diteruskan pada tahun ini. Pada bulan Ogos, Syarikat telah membeli sebidang tanah di Mutiara Damansara untuk membina sebuah Mercedes-Benz Autohaus baru. Pembinaan Autohaus baru di Petaling Jaya juga sedang dijalankan di mana kedua-dua kemudahan ini dijangka akan dibuka pada akhir tahun 2005.

**Perubahan Dalam Lembaga Pengarah** Philip Eng meletakkan jawatan sebagai Pengarah Syarikat pada 2 Februari 2005, iaitu lebih awal daripada tarikh persaraan beliau daripada Jardine Cycle & Carriage Limited pada 28 Februari 2005. Cheah Kim Teck, Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan operasi motor Jardine Cycle & Carriage dan pengarah Jardine Cycle & Carriage Limited telah dilantik untuk menggantikan beliau, sementara Adam Keswick pula menggantikan Philip Eng untuk menganggotai Jawatankuasa Imbuan. Lembaga Pengarah ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan penghargaan kepada Philip Eng yang telah memberikan sumbangan berharga beliau kepada Kumpulan sepanjang 12 tahun berkhidmat dengan Kumpulan. Justeru itu, kami mengucapkan selamat bersara kepada beliau.

**Penghargaan** Kumpulan akan terus bergantung kepada sokongan yang amat berharga daripada para pelanggan, pembekal, wakil penjual serta rakan-rakan dalam perniagaan. Sokongan ini berserta dedikasi dan komitmen kakitangan akan memastikan kemampuan Kumpulan untuk menempuhi pelbagai cabaran pada masa hadapan.

**Prospek** Persekitaran perniagaan yang persaingan, ketidaktentuan struktur duit dan keteguhan matawang asing akan terus memberi kesan ketara kepada prestasi Kumpulan pada tahun 2005. Walaupun sebahagian besar proses penyusunan semula Kumpulan telah selesai, namun fokus Kumpulan akan terus dipertingkatkan untuk memperhebatkan lagi tahap operasinya serta menambah nilai pulangan pemegang saham.

Tan Sri Abdul Halim bin Ali  
Pengerusi